



“PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) mencatatkan pencapaian yang membanggakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2000, meskipun dalam suasana operasi yang mencabar.”



Prestasi jualan Syarikat yang mendahului pertumbuhan pasaran menghasilkan pertambahan kepada bahagian pasaran Syarikat. Kos produk yang tinggi ekoran peningkatan harga minyak mentah bagaimanapun telah menyusutkan margin kasar lalu melenyapkan keuntungan hasil daripada jumlah jualan yang lebih tinggi serta penurunan perbelanjaan operasi, dan ini mengakibatkan kemerosotan dalam keuntungan bersih sebelum cukai.



KAD KUMPULAN SYARIKAT
“SMARTPAY” SERTA KAD KREDIT
DAN KAD CAJ LAIN YANG
POPULAR BOLEH DIGUNAKAN
DI HAMPIR SEMUA STESEN
SERVIS PETRONAS DI
SEMENANJUNG MALAYSIA

Prestasi Kewangan

Dalam tahun tinjauan, Syarikat mencapai rekod perolehan jualan Kumpulan berjumlah RM5,057 juta, 26% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya berikutan jumlah jualan yang lebih tinggi dan harga produk yang lebih baik. Walaupun permintaan bagi produk petroleum negara bertambah pada kadar 3% setahun, Syarikat telah mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 6%. Hasilnya, Syarikat berjaya meningkatkan bahagian pasarannya, justeru merapatkan jurang di antara Syarikat dengan peneraju pasaran.

Bagaimanapun, harga minyak mentah yang tinggi dan semakin meningkat di pasaran antarabangsa sepanjang tahun tinjauan telah meningkatkan kos produk dalam pasaran domestik dan mengurangkan margin kasar. Sementara itu, terdapat juga perubahan dalam asas menentukan kos produk untuk gas petroleum cecair (LPG) dalam Mekanisma Harga Automatik (APM) yang meninggalkan kesan kepada keuntungan jualan LPG. Akibatnya, keuntungan bersih sebelum cukai Kumpulan merosot sebanyak 41% kepada RM213 juta.

Prestasi Perniagaan

PDB telah mendapat faedah yang besar dan hasil yang positif semasa tahun tinjauan berikutan pelaksanaan penyusunan semula perniagaan menjelang akhir tahun sebelumnya. Ekoran organisasi menjadi lebih fokus dan responsif terhadap keperluan perubahan pasaran, Syarikat berjaya mencapai perkembangan memberangsangkan dalam semua sektor pasaran.

Sektor Perniagaan Runcit terus mengembangkan rangkaian stesen servisnya dengan pembukaan 16 buah stesen lagi sepanjang tahun tinjauan. Penambahan rangkaian stesen servis akan diteruskan secara lebih agresif dalam tahun kewangan semasa. Langkah pengimejan semula dan program membina semula stesen servis lama berjalan mengikut jadual, dan lebih banyak stesen kini berwajah baru. Rangkaian Kedai Mesra Syarikat juga telah ditambah kepada 66 buah dengan 18 buah lagi kedai baru dibuka sepanjang tahun. Bagi memenuhi keperluan pelanggan yang lebih memilih, Syarikat telah memperkenalkan lebih banyak barangan seperti roti dan pastri segar. Sebagai tambahan, pelanggan dan orang ramai kini boleh menjalankan urusan perbankan di stesen PETRONAS terpilih selepas waktu perbankan normal. Dalam usaha untuk mempromosi dan menjadikan Mesra sebagai jenama sebutan ramai, Syarikat telah memperkenalkan air mineral semulajadi dan air sulingan Mesra. Lebih banyak barangan menggunakan jenama Mesra akan diperkenalkan di masa hadapan.



Seiringan dengan perkembangan dalam bidang teknologi pembayaran elektronik dan ke arah masyarakat yang tidak menggunakan wang tunai, sistem pembayaran elektronik (EPS) Syarikat telah diperluaskan melepasi zon khidmat layan diri sekitar Lembah Klang dan Johor Bahru bagi meliputi sebahagian besar Semenanjung Malaysia. Kad kumpulan Syarikat "SmartPay" serta kad kredit dan kad caj lain yang popular boleh digunakan di hampir semua stesen servis PETRONAS di Semenanjung Malaysia. Kad Rebat Tunai Mesra yang dilancarkan dalam tahun sebelumnya ternyata berjaya, dan kini terdapat lebih daripada satu juta kad Mesra dalam edaran. Kelab Mesra X-tras terus menganjurkan aktiviti serta promosi untuk keluarga Mesra semasa tahun tinjauan termasuk program pendidikan untuk kanak-kanak.

Berdasarkan kecenderungan yang amat ketara dikalangan pengguna kenderaan bermotor terhadap minyak petrol PETRONAS, Syarikat telah memperkenalkan minyak premium tanpa plumbum generasi baru, **PRIMAX** pada Januari 2000. Pengguna dengan segera menyambut baik minyak bermutu tinggi ini, dan jualannya sangat memberangsangkan.

Dengan memanfaatkan sepenuhnya peningkatan permintaan bagi tenaga

berikutan pemulihan ekonomi negara, Perniagaan Komersil terus menunjukkan prestasi yang tinggi meskipun persaingannya amat sengit. Syarikat mencatatkan pertambahan dalam bahagian pasaran bagi semua produk terutamanya minyak bahan bakar, minyak tanah dan bahan bakar jet. Syarikat juga terus menjadi pembekal utama bagi bahan bakar jet dan minyak bahan bakar kepada pasaran.

Perniagaan pengisian minyak kapal terus memberikan cabaran kepada Syarikat memandangkan usaha yang perlu dilakukan untuk memulihkan West Port Bunkering Services Sdn Bhd (WEBS), iaitu anak syarikat yang bertanggungjawab bagi perniagaan pengisian minyak kapal di Pelabuhan Klang, tidak mencapai tahap kejayaan seperti yang diharapkan. Namun demikian, Syarikat akan terus meninjau peluang bagi membekal bahan bakar perkapalan kepada lebih banyak rangkaian perkapalan.

Syarikat juga menambah satu produk baru kepada portfolionya dengan memasuki perniagaan asphalt yang menguntungkan di Semenanjung Malaysia. Jualan bermula pada Februari 2000, dan maklum balas awal daripada pelanggan sememangnya menggalakkan. Kajian sedang dijalankan untuk menilai potensi perniagaan ini di Sabah dan Sarawak.

Dalam Perniagaan Pelincir, usaha-usaha pemasaran Syarikat mula membuahkan hasil apabila terdapat peningkatan yang kukuh dalam jumlah jualan dan bahagian pasaran. Bersandarkan kejayaan dalam mengeluarkan dan memasarkan minyak motor sintetik sepenuhnya, **SYNTIUM** dan sebagai tindak balas kepada keperluan penunggang motosikal yang semakin canggih, Syarikat telah memperkenalkan minyak motosikal sintetik sepenuhnya, **SPRINTA 5000**. Maklum balas pengguna terhadap produk berprestasi tinggi ini sangat menggalakkan. Syarikat akan terus menyediakan produk berkualiti tinggi dan khidmat selepas jualan yang boleh diharapkan dalam pasaran yang amat kompetitif ini.



SEIRING DENGAN KEMAJUAN
DALAM PERSEKITARAN
OPERASINYA, SYARIKAT TELAH
MELANCARKAN LAMAN
WEBNYA SENDIRI....
MYMESRA.COM.MY

Dalam Perniagaan LPG, walaupun keadaan persaingan yang amat sengit, usaha berterusan oleh petugas jualan dan wakil penjual Syarikat untuk memenuhi keperluan pengguna telah mendapat ganjaran melalui peningkatan jualan yang lebih tinggi bagi kedua-dua pasaran runcit dan borong yang menyebabkan pertambahan pada bahagian pasaran Syarikat. Syarikat terus menjadi pembekal utama LPG dalam pasaran. Silinder LPG 14 kg yang mendapat sambutan baik daripada pengguna kini boleh didapati di seluruh negara.

Pembekalan & Logistik

Pada hari ini, salah satu daripada kekuatan PDB ialah keunggulan kemudahan logistiknya yang menyediakan Syarikat dengan kelebihan daya saing ke arah penguasaan bahagian pasaran yang lebih besar. Oleh yang demikian, tumpuan bagi tahun tinjauan dan masa hadapan adalah untuk meningkatkan penggunaan semua aset tersebut dengan sasaran mengurangkan kos. Tunjak kemudahan ini ialah Saluran Paip Pelbagai Produk (MPP) dan Terminal Pengedaran Lembah Klang (KVDT) yang dibangunkan bersama Shell Malaysia Trading atas asas sama rata. Baru-baru ini, satu perjanjian dasar telah dicapai dengan Esso Malaysia Berhad yang membolehkannya memperoleh 20% kepentingan dalam kemudahan tersebut. Kuala Lumpur Aviation Fuelling System Sdn Bhd atau KAFS, yang dimiliki bersama dengan Malaysia Airlines System Berhad dan Malaysia Airports (Properties), dan diurus oleh PDB, telah berjaya menamatkan satu lagi tahun operasi. Kemudahan terkini ini memastikan bekalan bahan bakar jet yang efisien dan boleh diharap kepada pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, pembinaan kemudahan hidran untuk membekal bahan bakar jet di bahagian apron kargo yang baru telah berjaya disiapkan dan akan memulakan operasinya.

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan, Syarikat meneruskan usaha untuk merasionalkan aset LPGnya. Bagi tujuan ini, loji pengisian LPG di Pasir Gudang telah ditutup, dan bekalan bagi kawasan yang sebelumnya diperolehi dari sini, kini datang dari Melaka. Usaha juga sedang dijalankan untuk meningkatkan keupayaan loji pengisian LPG di Prai.



Kerja untuk membina sebuah loji pengisian LPG di Bintulu juga sudah bermula, dan apabila siap nanti, Syarikat akan berada pada tahap yang lebih baik untuk meningkatkan jualan LPGnya serta mempertingkatkan kedudukannya dalam pasaran yang semakin membesar di Sarawak.

Kerjasama dari segi perkongsian aset dan pertukaran produk dengan syarikat lain dalam industri berkaitan berjalan lancar, dan ini memberi faedah bersama kepada Syarikat dan rakan kongsinya. Semasa tahun tinjauan, Syarikat berjaya melaksanakan perkongsian aset serta operasi usaha sama bagi Depot Bintulu dengan Shell.

Perubahan Organisasi

Kajian proses perniagaan yang dilaksanakan bersempena dengan migrasi

sistem kewangan daripada SAP R/2 kepada SAP R/3 yang dilancarkan pada tahun sebelumnya telah menerima anjakan semasa tahun tinjauan. Pasukan yang berdedikasi telah dibentuk untuk melaksanakan usaha ini bagi memastikan bahawa migrasi ini disempurnakan mengikut jadual tanpa gangguan terhadap operasi. Organisasi yang telah mengalami transformasi ini bukan hanya akan menjadi lebih fokus kepada pelanggan dan responsif kepada keperluan pasaran, tetapi juga akan menjadi lebih kos efektif. Dengan ini, Syarikat akan berjaya mencapai wawasannya untuk menjadi **Syarikat Pilihan Pertama**.

Seiring dengan kemajuan dalam persekitaran operasinya, Syarikat telah melancarkan laman webnya sendiri **mymesra.com.my** pada 10 Februari 2000. Laman Web ini menyediakan maklumat terkini tentang Syarikat termasuk mengenai produk baru dan promosi untuk pelanggan dan pemegang saham yang lain. Terdapat juga peluang bagi orang ramai untuk mendapatkan penjelasan berkenaan dengan penggunaan produk Syarikat dan lain-lain aktiviti Syarikat. Kemampuan laman web ini akan dipertingkatkan bagi menjadikannya lebih berciri interaksi. Bersesuaian dengan aliran pasaran semasa, laman web ini juga akan menyediakan platform bagi Syarikat untuk memasuki maya e-dagang dalam tempoh terdekat. Turut bakal diintegrasikan bersama laman web ialah Pusat Khidmat Pelanggan (CSC) yang akan bertindak sebagai pusat hubungtara sehati di antara Syarikat dengan semua pelanggan dan wakil penjualnya. Dengan adanya CSC ini, Syarikat akan berupaya menyediakan khidmat bermutu yang berterusan kepada semua pelanggannya.

Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE)

Syarikat meletakkan penekanan yang tinggi ke atas setiap aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar dan tidak bertolak ansur tentang piawaian HSE dalam segala operasinya. Falsafah Syarikat adalah untuk bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Seajar dengan piawaian tinggi yang dituntut daripada semua entiti operasi di dalam Kumpulan PETRONAS, PDB telah melaksanakan Sistem Pengurusan HSE yang komprehensif di mana semua bahaya yang berpotensi menyebabkan



MEMANDANGKAN SYARIKAT....
TELAH MENERUSKAN PROGRAM
PENGEMBANGANNYA.... PDB
KINI BERADA PADA TAHAP
YANG KUKUH UNTUK MENDAPAT
KELEBIHAN DARIPADA PROSPEK
PERTUMBUHAN

kecelakaan besar telah dikenal pasti, dinilai dan dikawal. Pada waktu yang sama, pelan tindakan pemulihan disediakan untuk meminimumkan kesan buruk jika berlaku insiden tersebut.

Syarikat juga telah mengadakan beberapa latihan termasuk bersama-sama Shell Malaysia Trading untuk menilai kesediaan dan kemampuannya dalam tidak balas terhadap sebarang kecemasan.

Sumbangan Sosial dan Komuniti Masyarakat

Dalam meneruskan tradisi Syarikat sebagai warga korporat yang prihatin dan bertanggungjawab untuk berkongsi kejayaannya dengan masyarakat, Syarikat telah mengenal pasti sokongan terhadap kecemerlangan akademik sebagai salah satu daripada sasaran utama aktiviti kemasyarakatannya. Di dalam hal ini, Syarikat telah memberi sumbangan wang tunai kepada yayasan pendidikan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) bagi membantu pendidikan anak-anak nelayan.

Syarikat bersama-sama PETRONAS juga terus menjadi penaja Kejohanan Ralli Malaysia dan aktiviti sukan motor yang lain.

Tahun ini, Syarikat sekali lagi menaja keperluan minyak bagi unti bergerak bantuan kecemasan St John's Ambulans yang meronda lebuh raya negara semasa musim perayaan. Syarikat akan terus melaksanakan peranannya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan prihatin dengan membantu meninggikan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Meninjau Ke Hadapan

Dengan keadaan ekonomi negara kembali pulih, permintaan bagi produk-produk petroleum dijangka bertambah meningkat pada tahun kewangan akan datang. Memandangkan Syarikat mempunyai



kemudahan logistik di lokasi strategik di seluruh negara dan telah meneruskan program pengembangannya terutama dalam sektor runcit walaupun semasa kemerosotan ekonomi, ia kini berada pada tahap yang kukuh untuk mendapat kelebihan daripada prospek pertumbuhan.

Pasaran minyak juga menyaksikan perubahan yang radikal. Selain daripada penggabungan mega antara syarikat minyak, kesemua syarikat minyak telah menyusun semula organisasi pada peringkat serantau. Sebuah lagi syarikat minyak antarabangsa telah memasuki pasaran runcit dan membina lebih banyak stesen minyak dengan lebih agresif. Semua perubahan ini menjadikan pasaran lebih kompetitif.

Berdasarkan
pengalaman dan

keupayaannya, Syarikat bagaimanapun berkeyakinan akan dapat mengatasi persaingan ini.

Memandangkan kecekapan dan keberkesanan operasi adalah kritikal kepada daya saing Syarikat dan pewujudan nilai bagi pemegang saham, Syarikat akan meneruskan usaha mengurangkan kos serta memperbaiki proses perniagaan. Justeru Syarikat meyakini bahawa kakitangan adalah aset terbesarnya, ia akan meneruskan pembangunan sumber manusianya melalui peningkatan kecekapan dan keupayaan mereka. Melalui segala usaha ini, Syarikat berkeyakinan akan mampu memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggan dan pemegang saham.

Penghargaan

Bagi pihak Pengurusan Syarikat, saya ingin merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada para kakitangan atas kesungguhan, komitmen dan sumbangan mereka kepada kejayaan dan pencapaian Syarikat sepanjang tahun tinjauan. Saya juga amat berterima kasih kepada Kerajaan dan agensi-agensinya atas bantuan dan kerjasama mereka dan kepada Lembaga Pengarah atas bimbingan, nasihat dan galakan mereka. Kepada pelanggan dan wakil penjual kami, Syarikat ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kesetiaan mereka yang berterusan.

ANUAR BIN AHMAD

Ketua Pegawai Eksekutif

31 Julai 2000

